

# BULETIN KNSTP

## EDARAN TEMPAHAN DAGING SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI



19 April 2023 - Bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri, Koop NSTP telah membuka tempahan daging bagi anggota koop. Pada tahun ini, Koop NSTP telah bekerjasama dengan pembekal daging yang baru iaitu AYNZ Enterprise. Sambutan amat menggalakkan iaitu Koop NSTP telah menerima tempahan 552 kg daging pejal tempatan dan 152 kg untuk paru, limpa, hati, perut, tulang dan ekor.

Bagi memudahkan urusan pengambilan daging, Koop NSTP telah membuat edaran kepada anggota di NSTP, Jalan Riong dan TV3, Sri Pentas.

Terima kasih diucapkan kepada anggota dan kakitangan Koop NSTP serta semua pihak yang bertungkus lumus membantu menjayakan program tersebut. Insyallah, program ini akan menjadi program tahunan Koop NSTP.

